

# PANADOL CHILDREN SUSPENSION 120MG/5ML

## Paracetamol (120mg/5ml)

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panadol Children Suspension 120mg/5mL
2. Bagaimana Panadol Children Suspension 120mg/5mL berfungsi
3. Sebelum menggunakan Panadol Children Suspension 120mg/5mL
4. Cara menggunakan Panadol Children Suspension 120mg/5mL
5. Semasa menggunakan Panadol Children Suspension 120mg/5mL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Children Suspension 120mg/5mL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

### Apakah kegunaan Panadol Children Suspension 120mg/5mL

Panadol Children Suspension 120mg/5mL adalah diguna untuk melegakan demam, kesakitan akibat selesema, sakit tumbuh gigi, sakit gigi dan demam selepas vaksinasi.

### Bagaimana Panadol Children Suspension 120mg/5mL berfungsi

Paracetamol dalam Panadol Children Suspension 120mg/5mL dapat menghentikan mesej kesakitan daripada sampai kepada otak. Paracetamol juga bertindak di dalam otak untuk mengurangkan demam.

### Sebelum mengambil Panadol Children Suspension 120mg/5mL

- Bila tidak boleh mengambil  
Jangan ambil ubat ini sekiranya anak anda alah kepada paracetamol atau kandungan lain dalam ubat ini.

- Sebelum mula mengambil Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anak anda:

- Mempunyai masalah kerosakan hati atau buah pinggang

- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.

Anak anda mungkin perlu untuk mengelakkan menggunakan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah paracetamol yang anak anda ambil. Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anak anda:

- Mempunyai jangkitan yang teruk, kekurangan zat makanan atau kurang berat badan kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda- tanda asidosis metabolik termasuklah pernafasan yang panjang, pantas dan sukar, mual (rasa loya), sakit (muntah), hilang selera makan. Rujuk doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasigejala-gejala seperti ini.

Sila jumpa doktor atau ahli farmasi jika gejala berlarutan.

**REAKSI ALAHAN:** Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

- a) Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anak anda mengambil warfarin atau ubat-ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.
- b) Jangan gunakan ubat ini jika anak anda mengambil mana-mana preskripsi atau bukan preskripsi ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol untuk merawat kesakitan, demam, gejala sejuk dan selesema, atau untuk membantu tidur.
- c) Sentiasa membaca dan mengikut label.
- d) Beritahu doktor jika anak anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sestina ubat-ubatan dan produk

ini boleh mengganggu satu sama lain.

- e) Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

### Cara menggunakan Panadol Children Suspension 120mg/5mL

#### - Berapa banyak harus digunakan

Untuk panduan yang lebih baik, timbang anak anda dan kirakan dos yang harus diberi berdasarkan atas 15mg Paracetamol setiap kg berat badan.

Contoh: Jika berat anak anda 20 kg:  
 $20 \times 15\text{mg} = 300\text{mg} = (300\text{mg} \div 120\text{mg} \times 5\text{ml}) = 12.5\text{ml}$

Contoh dos mengikut berat:

Berat Badan (kg)	Dos (ml)
4 – 5 kg	2.5 ml
6 – 7 kg	3.5 ml
8 – 9 kg	5 ml
10 – 11 kg	6 ml

Pastikan anak anda tidak ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam.

Dos yang paling rendah diperlukan untuk mencapai keberkesanan yang harus digunakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

#### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Berapa lama perlu digunakan

- Jika kesakitan berlarutan untuk lebih daripada 3 hari, sila jumpa doktor.
- Untuk kanak-kanak di bawah 3 bulan dan berat badan kurang daripada 4 kg: dapatkan nasihat perubatan sebelum mengambil

# PANADOL CHILDREN SUSPENSION 120MG/5ML

## Paracetamol (120mg/5ml)

---

produk ini untuk dos dan penggunaan yang sesuai.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anak anda terlupa menggunakan ubat ini.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika disyaki atau terambil dos berlebihan, dapatkan rawatan perubatan serta merta kerana risiko kerosakan hati.

### **Semasa menggunakan Panadol Children Suspension 120mg/5mL**

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau arahan dalam pek.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Panadol Children Suspension 120mg/5mL.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Pastikan anak anda tidak ambil lebih daripada 60mg/kg dibentangkan dalam dos dibahagikan daripada 15mg/kg sepanjang tempoh 24 jam.
- Jangan melebihi dos yang disyorkan.
- Pastikan anak anda tidak ambil lebih daripada 4 dos dalam tempoh 24 jam.
- Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 1 bulan.
- Pastikan anda tidak mengambil ubat lain yang juga mengandungi paracetamol pada masa yang sama.
- Jangan ambil produk ini untuk lebih daripada 3 hari tanpa nasihat doktor.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Panadol Children Suspension 120mg/5mL dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai

simptom atau penyakit yang sama.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam.
- Mengandungi carmoisine yang mungkin menyebabkan reaksi jenis alahan.
- Pesakit yang mengalami masalah keturunan jarang intoleransi fruktosa tidak boleh mengambil ubat ini. Ubat ini mungkin mempunyai kesan laksatif ringan dan menyebabkan ketidakselesaan gastrousus. Ubat ini mengandungi 450.30mg sorbitol dalam setiap ml.
- Jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anak anda mempunyai intoleransi terhadap sesetengah jenis gula, sila hubungi doktor anda sebelum mengambil produk perubatan ini.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Hentikan pengamibilan ubat ini dan beritahu doktor atau ahli farmasi serta- merta jika anak anda:

- mengalami tindakbalas alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala beserta masalah bernafas atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut
- pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami tindakbalas yang sama dengan produk ini.
- mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya

Tindakbalas ini jarang berlaku.

Dari data pasca pemasaran, tindak balas di bawah ini sangat jarang berlaku: Trombotopenia, Anafilaksis, tindak balas hipersensitiviti kulit termasuk, antara

lain, ruam kulit, angioedema, sindrom Stevens-Johnson dan Toksik Epidermal Necrolysis, Bronkospasme pada pesakit yang sensitif terhadap aspirin dan NSAID lain, disfungsi hepatic. Seperti ubat-ubatan lain Panadol Children Suspension 120mg/5mL boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anak anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Children Suspension 120mg/5mL**

#### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. Tempoh hayat selepas dibuka: 12 bulan.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### - Rupa dan warna produk

Cecair merah jambu dengan aroma strawberi.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
*Paracetamol*

# PANADOL CHILDREN SUSPENSION 120MG/5ML

Paracetamol (120mg/5ml)

---

- Bahan tidak aktif  
*Sucrose Crystalline*  
*Sorbitol Solution 70%*  
*Glycerin 99.7%*  
*Xanthan Gum*  
*Strawberry Flavour*  
*Methyl Hydroxybenzoate*  
*Carmoisine*  
*Purified Water*

- Nombor MAL  
MAL05041840XZ

**Pengilang**

PT Sterling Products Indonesia  
Jl. Pulobuaran Raya Kav.III/DD 2,3,4 –  
Kawasan Industri Pulogadung, Jakarta  
Timur, 13930, INDONESIA

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Haleon Malaysia Sdn Bhd (3467-X)  
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu  
Kelang Industrial Estate, 68000  
Ampang, Selangor, MALAYSIA

**Tarikh kemaskini RiMUP**

28/11/2024

**Nombor Siri**

NPRA(R2)19/172